


## BAB 4

### LATAR BELAKANG RESPONDEN

Tumpuan huraian dalam bab ini adalah untuk melihat aspek latar belakang responden yang diperolehi menerusi tinjauan soal selidik yang telah dijalankan. Huraian latar belakang responden ini telah dikategorikan kepada tiga aspek utama iaitu aspek latar belakang responden sendiri, aspek pendidikan yang diperolehi dan aspek persekitaran tempat tinggal mereka dahulu dan sekarang.

#### 4.1 Aspek Latar Belakang Responden

Carta 4.1 di bawah menunjukkan kategori pembahagian umur responden.




Carta 4.1: Kategori Umur

Terdapat tiga kategori umur utama iaitu 16-20 tahun, 21-25 tahun dan 26 tahun dan ke atas. Sebanyak 73.8 % (531) daripada jumlah keseluruhan responden adalah daripada kategori umur 21-25 tahun, diikuti oleh 19.6% (196) daripada kategori umur 16-20 tahun dan 6.7% (48) daripada kategori umur 26 tahun dan ke atas. Pengkategorian umur adalah berdasarkan status pelajar yang melanjutkan pelajaran di peringkat diploma, ijazah dan juga ijazah lanjutan.

Keputusan menunjukkan bahawa majoriti responden yang terlibat adalah daripada golongan awal remaja. Sebahagian besar daripada mereka ini sedang melanjutkan pelajaran dalam peringkat Ijazah Sarjana Muda. Kumpulan responden yang kedua sedang menyambung pelajaran mereka di peringkat diploma termasuk diploma pendidikan. Di kalangan responden yang berusia lebih 26 tahun pula, kebanyakannya adalah terdiri daripada guru-guru yang melanjutkan pelajaran di peringkat diploma pendidikan mahupun ijazah.

Seterusnya Carta 4.2 memperlihatkan pembahagian sampel menurut jantina. Di sini jelas menunjukkan bahawa responden perempuan merangkumi 68.5% (493) dan responden lelaki pula hanya 31.5% (227) daripada jumlah keseluruhan responden. Keadaan ini wujud disebabkan oleh kerana pelajar perempuan lebih mendominasi kampus-kampus Institusi Pendidikan di Malaysia.



*Carta 4.2: Jantina*

Selain daripada mudah untuk dihampiri, para responden perempuan lebih mudah untuk memberi kerjasama berbanding dengan responden lelaki. Ini tidak bererti pelajar-pelajar lelaki tidak memberi kerjasama, hanya mereka ini lebih sukar untuk didekati apabila tinjauan soal selidik ingin dijalankan. Pelbagai alasan diberikan oleh para responden lelaki dalam usaha mengelakkan diri mereka daripada menjawab soalan soal-selidik dan ada juga yang kelihatan tergesa-gesa dan sibuk apabila dihampiri. Perkara sebegini adalah biasa dalam usaha mendapatkan kerjasama daripada para responden di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi.

Jadual 4.1 pula memperlihatkan pembahagian responden menurut kumpulan etnik. Mereka terdiri daripada tiga etnik besar di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India, serta bumiputera dari Sabah dan Sarawak dan lain-lain

kumpulan etnik yang terdiri daripada mereka yang berketurunan Thailand dan Ceylonese.

Responden yang terdiri daripada bumiputera Sabah dan Sarawak dikategorikan dalam satu kumpulan lain kerana pengkaji mendapati bahawa mereka sendiri telah berbuat demikian dalam borang soal-selidik. Mereka tidak mengidentifikasikan diri mereka sebagai sebahagian daripada golongan etnik yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1 di bawah, 56.1%(404) adalah terdiri daripada responden Melayu, 28.2%(203) responden Cina, 11.0%(79) responden India, 3.1%(22) bumiputera Sabah dan Sarawak dan hanya 1.7%(12) dari kategori lain-lain kumpulan etnik.

*Jadual 4.1: Kumpulan Etnik*

<b>KUMPULAN ETNIK</b>	<b>Peratus (Bilangan)</b>
Melayu	56.1% (404)
Cina	28.2% (203)
India	11.0% (79)
Bumiputera Sabah & Sarawak	3.1% (22)
Lain-lain	1.7% (12)
<b>Jumlah</b>	<b>100% (720)</b>

Selain daripada itu, responden terlibat adalah daripada pelbagai kepercayaan dan agama. Jadual 4.2 di bawah menunjukkan peratusan kepercayaan dan agama para responden. Selari dengan peratusan responden Melayu yang terlibat dalam tinjauan soal selidik ini, agama Islam merupakan agama yang dianuti oleh majoriti etnik Melayu iaitu 56.5% dari jumlah keseluruhan responden. Jumlah ini termasuk tiga responden dari Sabah dan Sarawak.

*Jadual 4.2: Agama*

<b>AGAMA</b>	<b>Peratus (Bilangan)</b>
Islam	56.5 % (407)
Buddha	19.2% (138)
Hindu	9.3% (67)
Kristian	11.1% (80)
Tiada Agama Khusus	2.8% (20)
Lain-lain	1.1% (8)
<b>Jumlah</b>	<b>100% (720)</b>

Agama Buddha pula dianuti oleh 19.2% dari responden yang mana majoriti darinya adalah terdiri daripada etnik Cina. Ini diikuti oleh penganut agama Hindu iaitu 9.3% yang terdiri daripada etnik India, penganut agama Kristian seramai 11.1% yang terdiri daripada mereka yang berketurunan Cina dan India. Manakala terdapat juga responden terlibat yang tidak mempunyai agama khusus (2.8%) dan sebahagian kecil pula iaitu 1.1% responden mempercayai bentuk kepercayaan yang lain dan tidak memberi jawapan yang khusus tentang bentuk kepercayaan yang dipegang oleh mereka.

Sebenarnya aspek agama dan kepercayaan ini turut memainkan peranan penting dalam melihat isu polarisasi etnik. Keadaan ini wujud memandangkan isu agama masih merupakan isu yang sensitif dan dianggap sebagai hal peribadi dan tidak sewajarnya dihebohkan dan dibincangkan secara terbuka di kalangan para pelajar berlainan etnik. Keadaan mungkin berbeza sekiranya para responden yang terlibat adalah daripada kumpulan etnik dan kepercayaan yang sama.

#### **4.2 Aspek Pendidikan Responden**

Seterusnya kita akan meneliti aspek kedua iaitu aspek latar belakang pendidikan awal dan terkini responden. Jadual 4.3 memperlihatkan aliran pendidikan yang diikuti oleh responden di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Terdapat empat aliran utama yang dihadiri oleh responden di peringkat sekolah rendah iaitu seramai 68.2% dari jumlah keseluruhan responden adalah daripada sekolah aliran Bahasa Melayu, diikuti oleh 20.1% daripada sekolah aliran Bahasa Cina, 8.2% daripada sekolah aliran Bahasa Inggeris dan akhir sekali hanya 3.5% daripada sekolah aliran Bahasa Tamil.

Jadual 4.3: : Aliran Pendidikan di Peringkat Sekolah Rendah dan Menengah

<b>PERINGKAT SEK. RENDAH (ALIRAN)</b>	<b>Peratus (Bilangan)</b>
Melayu	68.2% (491)
Cina	20.1% (145)
Inggeris	8.2% (59)
Tamil	3.5% (25)
<b>Jumlah</b>	<b>100% (720)</b>
<b>PERINGKAT SEK. MENENGAH (ALIRAN)</b>	<b>Peratus (Bilangan)</b>
Melayu	81.5% (587)
Inggeris	10.8% (78)
Cina	7.1% (51)
Arab	0.5% (4)
<b>Jumlah</b>	<b>100% (720)</b>

Walaupun bagaimanapun di peringkat sekolah menengah responden daripada sekolah aliran Tamil tidak memandang di Malaysia aliran sekolah Tamil hanya di wujudkan pada peringkat sekolah rendah. Sehubungan daripada itu pelajar dari sekolah aliran Tamil terpaksa membuat pilihan untuk menyambung pengajian mereka sama ada di sekolah aliran Melayu ataupun Inggeris. Jadi peratusan bagi mereka yang berada di sekolah aliran Melayu di peringkat menengah telah meningkat iaitu seramai 81.5%, diikuti oleh 10.8% di sekolah aliran Inggeris, 7.1% di sekolah aliran Cina dan hanya 0.5% dari sekolah aliran Arab.

Daripada jumlah peratusan mereka yang menghadiri sekolah aliran Cina,, dapat kita saksikan bahawa berlakunya penurunan dalam peratusan di peringkat sekolah menengah. Keadaan ini mungkin wujud di sebabkan adanya di antara

responden yang telah memilih untuk menghadiri sekolah aliran Melayu atau Inggeris yang mempunyai lebih banyak kemudahan-kemudahan yang mungkin tidak terdapat di sekolah aliran Cina. Besar kemungkinan juga para responden terpaksa berhadapan dengan karenah-karenah lain dalam pentadbiran seperti perolehan sijil, persaingan dan sebagainya jika mereka berada di sekolah aliran Cina terutama sekali jika mereka ingin melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Seterusnya kita akan melihat pula kepada lokasi kajian para responden menyambung pendidikan mereka di peringkat Universiti dan Kolej. Bagi menjalankan tinjauan soal selidik ini, enam tempat telah di pilih seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4.4 di bawah.

*Jadual 4.4: : Pendidikan di Peringkat Universiti atau Kolej*

<b>INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</b>	<b>Peratus (Bilangan)</b>
Universiti Malaya	25.0% (180)
Universiti Kebangsaan Malaysia	25.0% (180)
Universiti Putra Malaysia	25.0% (180)
Kolej Bandar Utama	8.3% (60)
Kolej Stamford	8.3% (60)
Kolej PTPL	8.3% (60)
<b>Jumlah</b>	<b>100% (720)</b>

Bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dipilih adalah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia, setiap



satu Institusi Pengajian Tinggi Awam ini melibatkan penglibatan seratus lapan puluh orang responden setiap satu dari semua kumpulan etnik. Bagi Kolej Swasta yang terlibat pula iaitu Kolej Bandar Utama, Kolej Stamford dan Kolej PTPL pula melibatkan enam puluh pelajar bagi setiap kolej yang turut merangkumi responden dari pelbagai kumpulan etnik.

Selepas jumlah responden ditetapkan dari setiap universiti dan kolej terlibat, tinjauan pendapat bagi borang soal selidik diteruskan dengan responden dari pelbagai fakulti di universiti dan kolej. Jadual 4.5 menunjukkan jumlah responden dari tujuh fakulti atau jabatan dari semua universiti dan kolej yang terlibat.


*Jadual 4.5 : Fakulti atau Jabatan di Universiti atau Kolej*

<b>FAKULTI / JABATAN</b>	<b>Peratus (Bilangan)</b>
Sains Komputer atau Teknologi Maklumat	27.1% (195)
Ekonomi atau Pengurusan Peniagaan	20.8% (150)
Kejuruteraan	14.6% (105)
Sastera dan Sains Sosial	12.5% (90)
Sains	12.5% (90)
Pendidikan	6.3% (45)
Sains Makanan dan Bioteknologi	6.3% (45)
<b>Jumlah</b>	<b>100% (720)</b>

Responden daripada Fakulti Sains Komputer atau Teknologi Maklumat adalah yang paling ramai terlibat iaitu seramai 27.1%, diikuti oleh responden daripada Fakulti Ekonomi atau Pengurusan Perniagaan seramai 20.8%, Fakulti Kejuruteraan seramai 14.6%, Fakulti Sastera dan Sains Sosial atau Sains Kemasyarakatan seramai 12.5%, Fakulti Sains juga 12.5% dan 6.3% setiap satu bagi Fakulti Pendidikan dan Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi. Responden adalah lebih ramai di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat disebabkan oleh sebilangan besar daripada responden ini adalah daripada kolej-kolej swasta yang memberi penekanan kepada program-program bersifat teknologi maklumat (*Information Technology*). Walaupun begitu pemilihan Jabatan-jabatan adalah di dasarkan kepada andaian ianya mempunyai pembahagian yang hampir seimbang di kalangan pelajar pelbagai etnik.

Aspek terakhir dalam melihat aspek latar belakang pendidikan responden, Carta 4.3 memperlihatkan tahun pengajian responden di Institusi Pengajian Tinggi yang terlibat. 39.9% atau majoriti dari responden terlibat dalam kajian ini berada di tahun ketiga pengajian mereka, diikuti oleh 37.4% di tahun kedua, 17.4% daripada tahun pertama dan hanya 5.1% dalam tahun keempat pengajian mereka.

Carta 4.3: Tahun Pengajian di Universiti dan Kolej



Responden daripada pelbagai peringkat tahun pengajian adalah daripada fakulti-fakulti terlibat daripada semua Institusi Pengajian Tinggi dipilih untuk kajian ini diharapkan dapat memberi kepelbagaian pendapat tentang isu interaksi dan polarisasi etnik yang menjadi isu tumpuan bagi kajian ini. Jawapan yang diterima daripada para responden adalah berkait rapat dengan tempoh pengalaman mereka selama berada di Institusi Pengajian Tinggi yang terlibat.

Aspek pendidikan yang diterima oleh pelajar ini secara tidak langsung dapat menggambarkan bidang pekerjaan yang bakal diterokai oleh mereka kelak. Jadual 4.6 di bawah mempamerkan gunatenaga belia Malaysia yang dikategorikan mengikut kumpulan etnik pada tahun 2000.

Jadual 4.6: Gunatenaga Belia Mengikut Pekerjaan dan Kumpulan Etnik (%)

Kategori Pekerjaan	2000				Jumlah
	Bumiputera	Cina	India	Lain-lain	
Profesional, Teknikal & Berkaitan	8.3	9.4	8.7	1.0	7.4
Pentadbiran & Pengurusan	0.5	2.3	0.7	0.4	0.9
Perkeranian & Berkaitan	14.6	20.6	14.5	3.9	14.2
Jualan & Berkaitan	10.1	21.0	7.2	6.7	11.7
Perkhidmatan	11.0	8.9	8.7	15.0	11.0
Pertanian	14.4	3.0	6.2	37.0	14.9
Pengeluaran & Berkaitan	41.1	34.8	54.0	36.0	39.9

(Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005).

Gambaran ini menunjukkan bahawa semua kaum utama di Malaysia iaitu Bumiputera, Cina dan India paling banyak terlibat di dalam pekerjaan berlandaskan pengeluaran dan yang berkaitan dengannya. Golongan etnik lain pula melibatkan diri mereka dengan pekerjaan berlandaskan pertanian. Pekerjaan bersifat profesional, teknikal dan berkaitan pula didahului oleh kaum Cina, diikuti oleh kaum India dan akhir sekali kaum Bumiputera.

### 4.3 Aspek Persekitaran Responden

Seterusnya aspek persekitaran responden merupakan aspek latar belakang terakhir yang akan dilihat dalam bab ini. Aspek persekitaran responden akan melibatkan isu tempat tinggal responden pada zaman kanak-kanak dan juga pada masa kini. Aspek ini berkait rapat dengan kemunculan perspektif atau pandangan responden terutama sekali dalam hal-hal yang berkait rapat dengan

proses interaksi seharian mereka. Ini termasuklah dalam melihat pendapat dan tindak balas mereka tentang interaksi antara pelbagai kaum di kampus mereka kini.

Pembahagian komposisi etnik di tempat kediaman para responden adalah dibuat secara menyeluruh. Jadual 4.7 memperlihatkan aspek persekitaran di kawasan kediaman para responden pada zaman kanak-kanak dan juga pada masa kini. Melihat kepada komposisi etnik di zaman kanak-kanak responden yang terlibat, 52.2% dari responden tinggal di kawasan yang mempunyai majoriti penduduk Melayu diikuti oleh 24.2% responden tinggal di kawasan yang majoritinya adalah terdiri daripada orang Cina, diikuti oleh 9.6% tinggal di kawasan yang mempunyai komposisi etnik Melayu-Cina sama banyak.

*Jadual 4.7: Komposisi Etnik di Tempat Kediaman*

KOMPOSISI ETNIK	ZAMAN KANAK-KANAK	SEKARANG
	Peratus (Bilangan)	Peratus (Bilangan)
Kebanyakan Melayu	52.2% (376)	49.0% (353)
Kebanyakan Cina	24.2% (174)	22.1% (159)
Kebanyakan India	4.0% (29)	2.9% (21)
Melayu-Cina sama banyak	9.6% (69)	14.0% (101)
Melayu-India sama banyak	1.7% (12)	1.7% (12)
Cina-India sama banyak	2.9% (21)	4.6% (33)
Melayu-Cina-India sama banyak	2.1% (15)	3.8% (27)
Lain-lain	3.3% (24)	1.9% (14)
<b>Jumlah</b>	<b>100% (720)</b>	<b>100% (720)</b>

Seterusnya kita melihat bentuk komposisi etnik di tempat tinggal para responden kini yang mana 49.0% masih tinggal di kawasan yang majoritinya adalah etnik Melayu, diikuti oleh 22.1% di kawasan yang majoritinya adalah Cina dan 14.0% di kawasan Melayu-Cina sama banyak. Bentuk komposisi etnik di tempat tinggal responden di zaman kanak-kanak dan kini tidak banyak menunjukkan perbezaan.

Walaupun bagaimanapun sekiranya kita melihat daripada sudut peratusan yang ditunjukkan pada zaman kanak-kanak dan kediaman kini, kita dapat melihat satu senario yang mana berlaku pengurangan dalam peratusan responden yang tinggal di kawasan yang mempunyai komposisi etnik tertentu sahaja. Sebaliknya kita dapat melihat peratusan responden yang tinggal di kawasan yang mempunyai komposisi lebih daripada satu kumpulan etnik telah bertambah pada penempatan mereka kini.

Ini ditunjukkan dengan kenaikan dalam peratusan responden yang tinggal di kawasan yang mempunyai komposisi etnik Melayu-Cina sama banyak dari 9.6% kepada 14.0% pada masa kini, komposisi Cina-India sama banyak dari 2.9% kepada 4.6% dan komposisi etnik Melayu-Cina-India sama banyak dari 2.1% kepada 3.8%.

Perubahan dalam bentuk komposisi etnik di kawasan penempatan responden semasa di zaman kanak-kanak dan kawasan kediaman kini

menunjukkan bahawa berlakunya proses migrasi oleh responden itu sendiri terutama sekali apabila mereka melanjutkan pelajaran mereka di luar daripada kawasan penempatan asal mereka. Keadaan ini adalah lebih nyata bagi responden yang melanjutkan pelajaran mereka ke universiti yang mana responden biasanya datang dari setiap pelusuk negeri.

Walaupun bagaimanapun perbezaan peratusan dari segi komposisi etnik di tempat kediaman responden adalah terlalu kecil. Kita dapat saksikan bahawa kawasan kediaman yang mempunyai komposisi etnik yang sama masih nyata. Ini menjelaskan bahawa walaupun mereka telah 'berhijrah' keluar ke tempat lain, mereka berkemungkinan besar akan mencari kawasan kediaman yang majoriti penduduknya adalah terdiri daripada etnik yang sama dengan mereka. Keadaan ini mungkin juga didorong oleh beberapa faktor lain seperti tinggal dengan saudara-mara, kawan-kawan mahupun menyewa. Secara tidak langsung keadaan ini memperlihatkan bahawa proses polarisasi di kawasan kediaman responden masih wujud sehingga kini dalam hidup para responden.

Jadi berdasarkan penelitian terhadap latar belakang responden dan aspek-aspek yang berkaitan iaitu aspek pendidikan yang diterima dan aspek persekitaran, dapat memperjelaskan di sini bahawa isu interaksi dan polarisasi etnik yang wujud dalam masyarakat kita sudah ada sedikit perubahan walaupun ianya masih nyata dan ketara.

Aspek-aspek ini secara tidak langsung memberikan kita gambaran kasar tentang apakah pandangan-pandangan yang bakal diberikan oleh responden dalam melihat isu interaksi antara kaum dan aspek polarisasi itu sendiri. Pelbagai pendapat dan perspektif para responden ini akan diperincikan lagi dalam analisis penemuan-penemuan daripada tinjauan soal-selidik yang telah dijalankan dalam bab seterusnya.